

Lapan fokus perkasa sekolah kebangsaan

BH-17/1/2007

Prasarana ditambah bagi tingkat kecemerlangan pelajar

Teras 3

Oleh Khairina Yassin

LAPAN fokus akan diberi tumpuan bagi memperkasakan sekolah kebangsaan (SK), sekali gus meningkatkan kecemerlangan sekolah berkenaan dalam tempoh Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010.

Fokus itu ialah peluasan program prasekolah, pemantapan kepemimpinan pengetua atau guru besar dan kualiti guru, pengukuhan budaya sekolah, pemantapan kurikulum.

Seterusnya, pemantapan kegiatan kokurikulum dan sukan, penambahbaikan sistem sokongan dan peningkatan prestasi akademik, serta meningkatkan kualiti prasarana dan prestasi.

Di bawah peluasan program prasekolah, Kementerian Pelajaran akan menambahkan bilangan kelas prasekolah sebanyak 2,626 dengan hampir 80 peratus daripadanya terletak di sekolah luar bandar dan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

Kerajaan turut memastikan murid berkeperluan khas menyertai program prasekolah dengan mewujudkan 100 kelas prasekolah pendidikan khas.

Malah, guru prasekolah terlatih dan pembantu pengurusan murid untuk semua prasekolah turut disediakan.

Kerajaan juga akan memantapkan kepemimpinan pengetua atau guru besar dan kualiti guru dengan menyediakan latihan mencukupi, manakala kriteria pemilihan calon guru besar atau pengetua lebih mantap.

Dalam usaha meningkatkan kualiti guru, setiap calon perlu memiliki watak pendidik dan mengajar di se-



kolah mengikut opsyen selain memastikan mereka mendapat latihan dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya tujuh hari setahun.

Fokus pengukuhan budaya sekolah juga penting bagi mewujudkan SK yang berbudaya cemerlang, iklim dan budaya sekolah yang sihat.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran berusaha membangunkan iklim sekolah yang kondusif selain meminimumkan masalah disiplin dengan pewujudan Jawatankuasa Bertindak di peringkat sekolah, pejabat pelajaran daerah, jabatan pelajaran negeri dan Kementerian Pelajaran.

Kerajaan turut memastikan aspek kurikulum dimantapkan dengan memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M (membaca, mengira dan menulis) selain memperluaskan program j-QAF.

Bahasa Cina dan Tamil di SK akan ditawarkan di sekolah terpilih selain memperkenalkan program untuk pelajar berkeperluan khas dan mening-

katkan akses serta pilihan program pada peringkat menengah.

Fokus terhadap penambahbaikan kegiatan kokurikulum dan sukan dilakukan bagi menarik penyertaan pelajar dengan menambahbaik Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (Rimup) dan membudayakan sukan.

Sistem sokongan akan ditambah baik dengan memantapkan pemua fakatan warga sekolah, keluarga dan komuniti. Selain itu bilangan jawatan pembantu guru ditambah.

Prestasi akademik SK juga akan dimantapkan melalui program intervensi dan memastikan semua pelajar mendapat peluang bersekolah.

Selain itu, kementerian akan menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas mencukupi serta berkualiti termasuk melengkapkan prasarana SK, mengubah suai dan menaiktaraf sekolah lama dan kurang selamat, menambah bilangan bilik darjah.